

Tiada cadangan had kan tempoh khidmat PM

UM 15 MAR 2000

KUALA LUMPUR 14 Mac — Kerajaan tidak bercadang untuk mengehadikan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri kepada dua penggal sahaja.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Noh Omar berkata, negara akan kerugian jika tempoh perkhidmatan pemimpin negara yang terbukti berwibawa dalam membangunkan negara dihadkan.

Beliau menambah, ciri-ciri pemimpin negara yang terbukti berwibawa dalam memajukan negara, mengelakkan negara daripada dijajah semula terdapat pada diri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Oleh itu beliau berkata, adalah sesuatu yang rugi jika mengambil kira manifesto pilihan raya Pas yang mahu mengehadikan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri.

“Jika kita ikut manifesto ini, negara akan rugi,” katanya semasa menjawab soalan **Mat Basir Rahmat (Pas-Parit)** di Dewan Rakyat hari ini.

Ketika menjawab soalan tambahan **Raja Datuk Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut)**, Noh berkata: “Menteri Besar Pas di Kelantan sudah lebih dua penggal. Jika nak buat (mengehadikan tempoh perkhidmatan Menteri Besar), buatlah.”